

Conference Proceeding: 1st INTERNATIONAL CONFERENCE ON CREATIVE MEDIA, DESIGN & TECHNOLOGY (REKA2014)

# SENI MENGIKAT TENGGOLOK WARISAN PERAK DARULRIDZUAN

Salina Abdul Manan<sup>1</sup>, Hamdzun Haron<sup>2</sup>, Zuliskandar Ramli<sup>3</sup>, Noor  
Hafiza Ismail<sup>4</sup>, Norasid Majid<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA. salina200183@gmail.com

<sup>2</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA. hh@ukm.my

<sup>3</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA. ziskandar2109@gmail.com

<sup>4</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA. yurizinsen@yahoo.com

<sup>5</sup> Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka, MALAYSIA. kkbibdbms@yahoo.com.my

## ABSTRAK

Tujuan penulisan kertas kerja ini adalah untuk mendokumentasikan proses teknik lipatan tengkolok warisan Melayu. Tengkolok merupakan salah satu hiasan atau penutup kepala lelaki Melayu yang unik serta mempunyai identiti tersendiri. Seni mengikat tengkolok ini mencerminkan ketinggian ilmu serta kreativiti orang Melayu zaman dahulu dalam mereka bentuk sesebuah tengkolok. Bagi menjelaskan proses teknik lipatan tengkolok ini, pendekatan kebudayaan secara kualitatif digunakan. Data secara bertulis atau visual dikumpul dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual. Hasil penelitian mendapati bahawa proses teknik lipatan tengkolok ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian pertama adalah teknik lipatan asas, bahagian kedua adalah simpul dan bahagian ketiga adalah solek (reka bentuk). Justeru itu, kertas kerja ini akan membincangkan mengenai teknik lipatan tengkolok Ayam Patah Kepak dari Perak Darul Ridzuan. Pendokumentasian teknik lipatan tengkolok ini merupakan salah satu cara bagi menghargai hasil seni warisan Melayu agar terpelihara dan diwarisi dari zaman ke zaman. Di samping itu kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada para penyelidik terutama dalam warisan pakaian Melayu dan generasi muda pada masa kini serta akan datang.

**Kata kunci:** Tengkolok, Teknik lipatan, Warisan Perak

## PENDAHULUAN

Pakaian merupakan salah satu keperluan asas manusia sejak zaman prasejarah lagi. Pakaian digunakan dengan tujuan untuk melindungi diri daripada keadaan cuaca panas atau sejuk. Begitu juga dengan hiasan atau penutup kepala yang digunakan bertujuan untuk memperkemaskan rambut. Walaupun masa beredar dengan pembangunan moden yang pesat, namun budaya pakaian Melayu masih lagi dipertahankan. Tengkolok merupakan salah satu warisan Melayu yang masih kekal sehingga ke hari ini walaupun pemakaiannya terhad kepada majlis dan istiadat di istana. Zaman dahulu tengkolok dipakai oleh golongan istana, para pembesar dan pengantin lelaki, Hamidah Husain dan Mohamed Roselan Malek (1995)

Tengkolok merupakan sebahagian daripada persalinan lelaki Melayu zaman dahulu dan ada tercatat di dalam Sejarah Melayu atau Hikayat-Hikayat Melayu. Destar adalah kain kepala lelaki Melayu yang tercatat di dalam Sejarah Melayu (m.s 62) sebagaimana di dalam petikan berikut:

*'Maka datanglah persalin; jika akan jadi Bendahara, lima ceper persalinannya; baju seceper, kain seceper, destar seceper, sebai seceper, ikat pinggang seceper, jikalau anak raja-raja dan para menteri cetera empat ceper juga, ikat pinggang tiada; jikalau bentara sida-sida hulubalang tiga ceper; kain seceper, baju seceper, destar seceper, ada yang semuanya sekali seceper, ada yang tiada seceper, kain, baju, destar di biru-biru sahaja, maka diampu oleh hamba raja, datang pada orang bergelar itu disampaikan di lehernya'*

Tengkolok adalah kain kepala pada zaman dahulu yang dipakai oleh golongan istana, para pembesar dan pengantin lelaki orang Melayu, Hamidah Husain dan Mohamed RoselanMalek (1995).Oleh itu, baju Melayu yang digayakan oleh lelaki Melayu akantampak lebih lengkap sekiranya bersampin dan bertengkolok atau bersongkok (RoslanBidin1996).

PerakDarulRidzuan merupakan salah sebuah negeri di Semenanjung Tanah Melayu yang memiliki reka bentuk tengkolok yang tersendiri.Hasil penelitian mendapati reka bentuk tengkolok di negeri Perak terbahagi kepada dua bahagian iaitu yang masih diguna pakai dan tidak diguna pakai.Tiga reka bentuk yang masih diguna pakai iaitu Ayam Patah Kepak, Helang Menyusur Angin dan GetamPerkasam. Manakala ada lima reka bentuk yang tidak diguna pakai iaitu Dendam Tak Sudah, Anak Gajah Menyusu, Balung Ayam, Pucuk Pisang Patah dan Alang Iskandar. Justeru itu, kertaskerja ini akan mengkaji satu reka bentuk tengkolok yang diguna pakai iaitu Ayam Patah Kepak. Kajian ini menjurus kepada teknik lipatan tengkolok.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Masyarakat Melayu zaman dahulu mengenali hiasan atau penutup kepala dengan pelbagai istilah seperti bulang hulu, setangan kepala, tanjak, semutar, destar dan tengkolok (Siti ZainonIsmali2006). Pengkaji warisan Melayu seperti Allahyarham Wan Yahya Abdullah (2004), dalam buku karangannyatelah membincangkan mengenai destar yang terdapat pada setiap negeri. Kajian beliau menyentuh hampir keseluruhan bahagian di dalam tengkolok namun kurang penekanan mengenai teknik lipatan bagi sesebuah tengkolok.Justeru itu kajian ini di buat khusus bagi membincangkan mengenai teknik lipatan tengkolok yang terdapat di negeri Perak.

Kajian ini diperlukan bagi memastikan masyarakat Melayu pada masa kini dan akan datang mengetahui dan mengenali mengenai tengkolok Melayu. Pengetahuan teknik lipatan tengkolok ini merupakan salah satu cara bagi menghargai hasil seni pengikat tengkolok zaman dahulu di mana ianya memperlihatkan kreativiti mereka yang harus dibanggakan oleh generasi muda masa kini.

## KAJIAN LITERATUR

Tanjak, tengkolok atau destar adalah antara busana pada bahagian kepala lelaki Melayu yang sering dikaitkan dengan istana, kepahlawanan dan dipakai dalam pelbagai acara adat istiadat bangsa Melayu. Tengkolok Melayu ini dihasilkan secara manual dengan menggunakan tangan serta lutut. Seni mengikat tengkolok ini memerlukan kemahiran seni tangan dalam melipat serta membentuk sesebuah tengkolok. Seni mengikat tengkolok ini kebiasaannya dimonopoli oleh golongan lelaki. Setiap pengikat tengkolok itu bukan sahaja perlu berkemahiran dalam melipat tengkolok tetapi harus memiliki sifat sabar dan tekun. Sifat ini akan menentukan kekemasan dan kecantikan sesebuah tengkolok yang dihasilkan, (Raja Azizulakhir Raja Harun Al Rashid, temu bual peribadi, 22 Mei 2014).

Tengkolok di definisikan sebagai kain ikat (tutup) kepala, tanjak dan destar. Kain tutup kepala atau selubung yang biasa dibuat daripada kain sarung atau kain lepas bagi wanita (<http://prpm.dbp.gov.my>, 12 Nov. 2013.). Destar diklasifikasikan bagi mewakili semua jenis ikatan kepala. Tengkolok pula terbahagi kepada dua iaitu tengkolok lelaki dan wanita. Manakala tanjak adalah kain berbentuk empat segi dan dikhaskan untuk lelaki sahaja. (Johan Iskandar Abdul Karim, 2013). Tenas Effendi (1989:11) menghargai destar melalui Ungkapan Melayu Riau (Tenas Effendi 1989, 11) seperti berikut:

*Sekali bernama destar  
Duanya bernama tanjak  
Yang dipakai berpatut-patut  
Yang beradat berlembaga  
Yang beradat berketurunan  
Yang dijaga dipelihara  
Yang bertempat dan bertepatan  
Yang ada asal usulnya*

Berdasarkan daripada ungkapan itu jelas menunjukkan bahawa hiasan atau penutup kepala orang Melayu ini mempunyai nilai yang tinggi. Maka kajian ini dapat dijadikan bahan rujukan kepada penyelidik yang lain dalam mengkaji reka bentuk tengkolok secara terperinci pada negeri di Semenanjung Tanah Melayu yang lain.

## KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini menjurus kepada kajian kes kerana ia merupakan kajian yang mengkhususkan kepada reka bentuk tengkolok yang terdapat di negeri Perak Darul Ridzuan. Kajian lapangan adalah kaedah yang sesuai digunakan bagi mendapatkan teknik lipatan tengkolok. Kajian ini memerlukan pemerhatian menyeluruh daripada data-data yang dikumpulkan seterusnya akan di analisa agar bersesuaian dengan reka bentuk yang dikaji. Pendekatan kajian adalah menerusi kajian sejarah dan kajian kepustakaan. Pemilihan sampel subjek kajian adalah berdasarkan bola salji bagi tujuan temu bual.

## **REKA BENTUK TENGGOLOK PERAK**

Setiap negeri di Semenanjung Tanah Melayu memiliki reka bentuk tengkolok yang tersendiri. Tengkolok di negeri Perak terbahagi kepada dua bahagian iaitu yang masih diguna pakai dan tidak diguna pakai. Tengkolok yang masih diguna pakai adalah Ayam Patah Kepak, Helang Menyusur Angin dan Getam Perkasam. Manakala yang tidak diguna pakai adalah Dendan Tak Sudah, Anak Gajah Menyusu, Pucuk Pisang Patah, Alang Iskandar dan Balung Ayam, (Mohamad Dzulkarnain Osman, temu bual peribadi pada 6 Mac 2014). Setiap tengkolok mempunyai reka bentuk yang unik serta warna tertentu. Reka bentuk tengkolok yang dipakai oleh Baginda Tuanku Sultan tidak boleh mempunyai lipatan yang sama dengan rakyat biasa.

Tengkolok Baginda Tuanku Sultan mempunyai lipatan empat jari manakala rakyat biasa tiga jari. Walaupun menggayakan reka bentuk yang sama dengan Baginda Tuanku Sultan, namun perbezaan tetap ada dan yang membezakannya adalah kelebaran lipatan empat dan tiga jari pada teknik lipatan asas, Mohamad Dzulkarnain, temu bual peribadi pada 28 Ogos 2014).

## **TEKNIK IKATAN TENGGOLOK**

### **a. Tengkolok Ayam Patah Kepak**


Reka bentuk Ayam Patah mula dikenali semasa zaman pemerintahan Al Marhum Sultan Azlan Shah ketika diikat oleh pengikat di Istana Iskandariah iaitu Al Marhum Raja Norman selaku panglima. Baginda Tuanku Sultan sangat tertarik dengan reka bentuk Ayam Patah Kepak dan menggayakannya sepanjang zaman pemerintahan Baginda Tuanku Sultan bermula tahun 1984 sehingga 2014.

Reka bentuk yang digunakan oleh seseorang Sultan dengan rakyat biasa mempunyai perbezaan walaupun memakai reka bentuk yang sama. Perbezaan ini terletak pada bahagian lebar lipatan. Kelebaran lipatan bagi tengkolok Tuanku Sultan adalah empat atau lima jari manakala rakyat biasa hanya tiga jari sahaja (Mohamad Dzulkarnain Osman 2014). Keunikan reka bentuk tengkolok Ayam Patah Kepak terletak pada bahagian patah kepek. Terdapat tiga bahagian dalam menghasilkan sesebuah tengkolok iaitu bahagian pertama adalah lipatan asas, bahagian kedua adalah simpul bagi garam sebuku dan pucuk rebung serta bahagian ketiga adalah solek (bergantung kepada reka bentuk yang ingin dihasilkan). Teknik lipatan tengkolok Ayam Patah Kepak akan diterangkan secara terperinci pada semua bahagian tersebut sehingga terhasilnya reka bentuk Ayam Patah Kepak.

## **Bahagian Pertama: Lipatan Asas**

Bahagian pertama dimulai Langkah A, B, B(i), B(ii), C dan D seperti Gambar 1 dibawah. Langkah A adalah rentangkan kain tengkolok yang telah siap dijahit. Lurus keseluruhan permukaan kain bagi menghilangkan bahagian yang menggelembung. Bahagian kain tengkolok yang mempunyai gelembung akan menghasilkan tengkolok yang tidak kemas. Setelah kain tengkolok diratakan, maka dengan menggunakan tiga jari bagi saiz tangan lelaki dan empat jari bagi saiz tangan perempuan untuk membuat ukuran bagi lipatan pertama seperti Langkah B. Lipatan pertama ini akan menentukan kelebaran saiz lipatan yang sama. Ukuran tiga jari ini boleh diukur dalam keadaan jari secara menegak atau melintang seperti Langkah B(i) dan B(ii).

Ukuran tiga jari ini dimulai dengan bahagian tengah lipatan dan dilurus hingga ke hujung kain pada kedua-dua bahagian. Lipatan ini dilipat sebanyak lima kali. Bagi Langkah C pula adalah hasil daripada lipatan lima kali itu akan menghasilkan satu segi tiga kecil pada bahagian puncak kain tengkolok, maka ukuran sejengkal harus diambil bagi menentukan jarak antara lipatan terakhir dengan puncak kain. Sekiranya ukuran tidak sampai sejengkal, maka lipatan perlu ditambah. Langkah D adalah langkah terakhir dalam bahagian pertama teknik lipatan tengkolok iaitu kain tengkolok diterbalikkan dan diletak pada bahagian lutut kanan dan langkah seterusnya akan bersambung pada Bahagian Kedua iaitu simpul.



**Gambar 1:** Bahagian Pertama,Lipatan Asas

### **Bahagian Kedua: Simpul**

Bahagian Kedua ini adalah sambungan teknik lipatan pada Bahagian Pertama bagi Langkah D iaitu kain tengkolok diterbalikkan dan diletak pada lutut kanan. Bahagian Kedua ini akan menghasilkan simpul yang dinamakan garam sebuku dan pucuk rebung. Setelah kain tengkolok itu diletak pada lutut kanan, maka kedua-dua hujung kain ditarik ke atas bagi mendapatkan ukuran yang sama panjang. Setelah itu, seperti gambar Langkah A di bawah, hujung kain bahagian kanan diletakkan pada bahagian bawah dan hujung kain bahagian kiri diletakkan pada bahagian atas. Ini akan memperlihatkan kedua-dua hujung kain ini dalam keadaan bersilang.

Seterusnya, hujung kain yang berada di bawah (kanan) dilipat ke atas secara menegak seperti gambar Langkah B di bawah. Langkah C pula adalah melipat dan masukkan hujung kain yang menegak tadi dan baki bahagian hujung kain itu akan kelihatan di bawah. Baki hujung kain itu perlu ditarik dengan kuat agar dapat menghasilkan simpul yang cantik dan kemas. Maka baki hujung kain itu diselitkan pada lipatan di bahagian atas seperti gambar Langkah D dan E. Akhir sekali pada Bahagian Kedua ini adalah hujung kain bahagian atas (kiri)

ditarik bagi mengemaskan simpulan yang telah dibuat. Setelah itu, lipat dan masukkan ke dalam. Maka pucuk rebung akan terhasil seperti gambar Langkah F.



**Gambar 2:** Bahagian Kedua, Simpul

### **Bahagian Ketiga: Solek**


Bahagian Ketiga ini adalah merujuk kepada reka bentuk yang ingin dihasilkan. Di dalam menghasilkan sesebuah tengkolok, bahagian kedua iaitu simpul perlu dikemaskan terlebih dahulu sebelum membuat solek yang diinginkan. Setelah lipatan garam sebuku dan pucuk rebung cantik dan kemas, maka pusingkan kain tengkolok dan bahagian segi tiga berada di atas lutut seperti Gambar 3: Langkah A. Seterusnya seperti Langkah B, letakkan tangan kiri di atas dan tekan serta tangan kanan menarik segi tiga itu ke atas. Langkah C pula adalah tangan kanan menarik sedikit kain di bahagian tepi ke bawah. Kepak atau lipatkan bahagian tiga segi kain tengkolok ke bawah seperti gambar Langkah D. manakala Langkah E dan F memerlukan kemahiran seni tangan pengikat tengkolok dalam melentur kain tengkolok bagi menghasilkan reka bentuk yang diinginkan.

Gambar 4 adalah reka bentuk tengkolok yang dihasilkan daripada teknik lipatan tengkolok yang dinyatakan di atas. Begitu indah reka bentuk tengkolok Ayam Patah Kepak negeri Perak DarulRidzuan.



**Gambar 3:** Bahagian Ketiga, Solek.





**Gambar 4:** Reka bentuk tengkolok Ayam Patah Kepak.

## KESIMPULAN

Teknik lipatan tengkolok negeri Perak Darul Ridzuan ini harus dipelihara agar kekal dari zaman ke zaman. Keindahan dan keunikan setiap teknik lipatan ini menjadi kebanggaan masyarakat Melayu khususnya dalam menghargai hasil seni pengikat tengkolok zaman dahulu. Tidak salah jika dikatakan bahawa orang Melayu zaman dahulu telah berinovasi mereka bentuk tengkolok dan mempunyai daya kreativiti yang tinggi. Oleh itu, semua pihak bertanggungjawab dalam melestarikan seni mengikat tengkolok Melayu khususnya golongan muda pada masa kini.

## RUJUKAN

Hamidah Husain, Mohamed Roselan Malek, (1995). *Pakaian dan Perhiasan Tradisional*. Selangor Darul Ehsan. Prisma Sdn. Bhd.

RoslanBidin. (1996). *Tengkolok lambang Ketampanan Jejaka: Warisan Indera Kayangan*.

Jurnal Jawatankuasa Gerakan Membaca Perlis.

Siti Zainon Ismail. (2006). *Pakaian cara Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia

Tenas Effendi.(1989) *Ungkapan Melayu Riau*

Wan YahyaAndullah.(2004). *Destar Warisan Malaysia: Koleksi Terpilih*. Kuala Lumpur. Jabatan Muzium dan Antikuiti

Dewan Bahasa dan Pustaka website: <http://prpm.dbp.gov.my>, 12 Nov. 2013

Mohamad Dzulkarnain Osman. 6 Mac dan 28 Ogos 2014. Kuala Kangsar.

Conference Proceeding: 1st INTERNATIONAL CONFERENCE ON CREATIVE MEDIA, DESIGN & TECHNOLOGY  
(REKA2014)

Raja Azizulakhir Raja Harun Al Rashid. 22 Mei 2014. Ipoh. Perak

Johan Iskandar Abdul Karim. Oktober 2013. Subang, Selangor.